

Fokus Kepada 'Soft Skills' Anda!



Dr. Ali Qassem

www.aliqassem.com

Saya ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada Ketua Menteri Negeri Sabah, Datuk Seri Musa Haji Aman kerana menitikberatkan dan menekankan pembinaan soft skills kepada pelajar-pelajar yang merupakan pemimpin negara pada masa hadapan.

Dalam perasmian Majlis Konvokesyen Kolej PTPL yang ke-10 pada 11 Ogos 2009, Datuk Seri Musa Haji Aman berkata, "Institusi seharusnya menekankan dalam pembinaan soft skills dan keusahawanan bagi memastikan para graduan kita adalah yang kompetitif dan bersedia untuk memberi sumbangan kepada industri."

Zaman ini zaman bermaklumat, berorientasikan pasaran pelanggan, kompetitif berasaskan pengetahuan ekonomi, dan globalisasi yang sangat berbeza daripada masa lalu. Sekarang, 'soft skill' kita (people skills) adalah penting untuk mencari peluang, mengekalkan pekerjaan kita, dan bahkan untuk perkembangan sendiri, sama pentingnya dengan kemahiran teknikal kita.

Pada masa dulu, peluang pekerjaan dan kedudukan kita ditentukan oleh kemahiran teknikal dan pengalaman bekerja. Pengurus dan majikan pada masa lalu dan masih lagi berada dalam kebanyakan organisasi – memfokus kepada kemahiran teknikal dengan berkesan yang diperlukan untuk meningkatkan pengeluaran organisasi.

Kebenarannya ialah pengalaman bekerja dan kemahiran teknikal tidak mencukupi, terutamanya dalam hal pemantauan dan pentadbiran. Pengalaman bertahun dalam mengoperasikan mesin, menjadi doktor yang terbaik, jurutera, peguam atau akauntan tidak akan menjadikan anda seorang pengurus yang baik. Apa yang diambilkira selain dari kemahiran teknikal adalah anda

mampu dan berkeupayaan untuk berurusan dengan orang lain, bersepakat dengan pekerja anda dan mengurus mereka dengan bijak.

Hari ini, mendapatkan satu pekerjaan bukan hanya sekadar memerlukan kelayakan akademik, pengalaman bekerja dan resume yang baik. Kelayakan akademik, pengalaman bekerja dan resume yang baik akan membawa anda kepada temuduga, tetapi belum tentu boleh mendapatkan pekerjaan atau mengekalkan pekerjaan anda.

People Skills” adalah istilah yang merujuk kepada kemahiran yang mempengaruhi dan memberi kesan cara kita berinteraksi dan berurusan dengan satu sama lain, keadaan yang bersangkutan paut dengan seseorang atau kejadian. Kemahiran-kemahiran ini termasuklah kemahiran interpersonal, tabiat personal, komunikasi berkesan, kreativiti, pemikiran analitikal, diplomatik, fleksibiliti, menghadapi perubahan, penyelesaian masalah, kepimpinan, penglibatan dalam pasukan, dan kemampuan untuk membina perhubungan dengan personaliti yang berbeza.

Theodore Roosevelt pernah berkata, “Ramuan yang paling mustahak dalam formula kejayaan adalah mengetahui cara bergaul dengan orang lain.”

Setiap manusia dilahirkan dengan empat kebolehan. Mereka adalah IQ (Intelligence Quotient), BQ (Body Intelligence Quotient), SQ (Spiritual Intelligence Quotient), dan EQ (Emotional Intelligence Quotient).

Tahap “IQ” (Intelligence Quotient) kita boleh ditingkatkan dengan banyak cara. Ia boleh ditingkatkan melalui pemakanan yang seimbang, dapatkan maklumat terkini dan ilmu tanpa putus-putus ke minda, tidur yang mencukupi, mengamalkan pemikiran positif dan sentiasa gunakan minda untuk mengekalkan tahap minda cerdas (Mental Agility) yang tinggi.

“BQ” (Body Intelligence Quotient) adalah tentang bagaimana kita menjaga trilion sel yang ada dalam tubuh badan, yang bekerja 24 jam bagi melakukan segala kemungkinan untuk menjaga tubuh badan agar tubuh badan boleh berfungsi.

“SQ” (Spiritual Intelligence Quotient) adalah keperluan kita untuk menyumbang, untuk mencintai dan untuk dicintai, berkembang atau membesar, memberikan yang bermakna, mencapai satu tahap kepastian, berurusan dengan ketidakpastian, dan melayani orang lain.

“EQ” (Emotional Intelligence Quotient) adalah kecerdasan interaksi emosional sosial yang datang daripada kesedaran diri kita dan kesedaran orang lain. Ia adalah kebolehan mengecam dan mengenali diri sendiri dan orang lain dari pemahaman, mengetahui bagaimana berkomunikasi, menghormati, mendengar, menjaga, bersimpati dan berempati, dan membantu mereka. Dalam ertikata yang lain, “EQ” adalah cara kelakuan atau perilaku terhadap orang lain.

Britannica menggambarkan perilaku manusia sebagai “Potensi dan pernyataan kapasiti untuk fizikal, mental, dan kegiatan sosial semasa dalam fasa-fasa kehidupan manusia”. Perilaku dan interaksi adalah dikawal dan diberikan impak besar oleh sikap kita, yang mana merupakan cara we merasa tentang seseorang, sesuatu atau sesuatu kejadian.

Sikap kita dipengaruhi oleh banyak faktor. Antara faktor utama adalah maklumat yang kita kehendaki dan miliki, dan tahap kebolehan membaca minda orang lain.

Kehidupan secara umumnya, atau perniagaan, pekerjaan atau sebagai satu organisasi adalah berkaitan dengan manusia. Ia adalah berkaitan dengan membina hubungan dengan orang lain, berkomunikasi dan berurusan dengan mereka. Oleh itu, “people skills” adalah perlu untuk

berurusan dalam situasi kehidupan seharian dan menentukan perbezaan antara kemenangan dan kegagalan sesuatu urusan.

Tambahan pula, oleh kerana tidak ada sesiapa boleh mencapai kejayaan tanpa orang lain, seseorang harus menguasai pelbagai kemahiran interpersonal bagi mengekalkan hubungan dengan orang lain, gaya hidup yang selesa dan kareer.

Walau betapa bijak dan banyak kemahiran teknikal yang kita ada, itu hanya mencakupi 15% dalam mendapatkan dan mengekalkan pekerjaan. Kajian tentang kepentingan "people skills" memberikan satu kesimpulan bahawa kemahiran utama dalam mendapatkan sesuatu pekerjaan adalah kemahiran interpersonal seseorang.

Berkaitan dengan isu ini, Stanford Research Institute, Harvard University, dan Carnegie Foundation telah membelanjakan satu juta wang (USD) dan lima tahun dalam kajian telah membuktikan 85% alasan yang membolehkan seseorang mendapat pekerjaan, meningkat dalam pekerjaan adalah berkaitan dengan kemahiran-kemahiran yang telah disebutkan serta pengetahuan.

Daniel Coleman, seorang pakar psikologi berkata, "Soft skills (people skills) adalah kombinasi kompetensi yang menyumbangkan kepada kemampuan seseorang untuk mengurus diri sendiri dan berkaitan dengan hal-hal orang lain dua kali ganda lebih banyak dari IQ atau kemahiran teknikal dalam kejayaan pekerjaan."

Secara umumnya, majikan mencari dan ingin mengupah orang yang setia, komited, berkayakinan, inovatif, bertoleransi, boleh memberikan kerjasama, lancar berkomunikasi dan penyelesaian masalah. Mereka yang kekurangan kemahiran sebegini akan menghadapi masalah besar dalam mendapatkan pekerjaan dan kemungkinan mereka tidak akan dapat pekerjaan.

Untuk mencapai "people skills", ia memerlukan disiplin dan usaha yang padu. Anda harus berkemampuan untuk berfikir dahulu tentang apa yang harus diperkatakan, kepada siapa, bagaimana sebelum memberi sesuatu respon dalam apa jua situasi.

Untuk meningkatkan "people skills", anda perlulah mengenalpasti kelemahan diri dan menukarkan kepada kekuatan, senantiasa dapatkan maklumat tambahan serta ilmu pengetahuan dan aplikasikan dalam tindakan anda. Jika anda dapat berbuat demikian, anda bukan sahaja akan menjadi orang yang diidamkan oleh kebanyakan majikan, anda akan mampu menyesuaikan diri dalam apa jua situasi, bak kata pepatah, masuk kandang kambing mengembek, masuk kandang lembu menguak.